

PEKELILING PEJABAT PENDAFTAR

Tarikh: 07hb April 2020

Bil. 04/2020

No. Ruj: PICOMS/PP/04/2020/004Jld. 1

PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) DAN AKTIVITI PELAJAR SUSULAN PENULARAN WABAK COVID-19

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Mesyuarat Pengurusan Eksekutif Khas (Bil 01/2020) berkaitan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) serta aktiviti pelajar Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS susulan penularan wabak COVID-19.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pihak Pengurusan PICOMS mengambil serius akan status penularan wabak COVID-19 berdasarkan laporan terkini Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di seluruh Negara.
- 2.2 Pihak Pengurusan PICOMS telah mengambil tindakan pro-aktif untuk membincangkan dan memutuskan perancangan keterhadapan yang perlu dilaksanakan bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat diteruskan sehingga tempoh perintah kawalan pergerakan dimansuhkan dan keadaan Negara pulih sepenuhnya.

3. KEPUTUSAN MESYUARAT

- 3.1 Sehubungan dengan itu sebagai langkah pencegahan penularan wabak COVID-19 di Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS, Mesyuarat Pengurusan Eksekutif Khas pada 6hb April 2020 telah membuat keputusan berkaitan **PENANGGUHAN** semua aktiviti fizikal pelajar di kampus Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS sehingga **31hb Mei 2020 (Ahad)** sebagai mengambil langkah pencegahan dalam memastikan keselamatan dan kesihatan pelajar berada pada tahap yang baik. Walau bagaimanapun aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di teruskan melalui e-pembelajaran mengikut kalender akademik universiti.



- 3.2 Pihak Pengurusan PICOMS juga turut menyarankan agar program dan aktiviti yang telah dirancang lebih awal sebaiknya ditangguhkan terlebih dahulu. Semua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara bersemuka serta aktiviti pelajar di kampus secara fizikal akan beroperasi semula pada **1hb Jun 2020 (Isnin)**.
- 3.3 Semua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) serta aktiviti pelajar hendaklah mengikut ketetapan seperti berikut:-
- 3.3.1 Pelaksanaan aktiviti akademik dan kuliah berkaitan adalah **DIWAJIBKAN** secara e-pembelajaran (atas talian), virtual atau lain-lain kaedah yang bersesuaian.
- 3.3.2 Para pelajar hendaklah sama-sama mengambil tanggungjawab dalam memastikan kelangsungan pembelajaran dan pengajaran walaupun tidak dapat menghadiri sesi kuliah secara fizikal.
- 3.3.3 Pendaftaran semester bagi pelajar semasa dan sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) adalah diteruskan mengikut ketetapan Kalendar Akademik PICOMS 2019/2020 iaitu pada **27hb April 2020 (Isnin)** secara atas talian.
- 3.3.4 Pendaftaran pelajar baru juga akan diteruskan pada tarikh yang ditetapkan dengan menggunakan kemudahan pendaftaran secara atas talian.

4. TINDAKAN

- 4.1 Pekeliling Pendaftar Bil 04/2020 ini berkuatkuasa serta merta pada tarikh pekeliling ini dikeluarkan.
- 4.2 Amat penting arahan ini dipatuhi oleh semua staf dan pelajar bagi memastikan pencegahan penularan wabak COVID-19 ini.
- 4.3 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua pelajar Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS.
- 4.4 Semua Fakulti, Pejabat dan Jabatan yang terlibat adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan arahan seperti yang tertakluk dalam pekeliling ini kepada pelajar.

Sekian, harap maklum. Terima kasih

"KE ARAH KECEMERLANGAN HOLISTIK DALAM PENDIDIKAN & PENJAGAAN PESAKIT"



.....
NORITA BINTI HJ ARSHAD

Pendaftar

Tarikh: 7hb April 2020

s.k : Naib Canselor
: Timbalan Naib Canselor (Akademik)
: Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & PascaSiswazah)
: Bendahari
: Dekan Fakulti Sains Kesihatan
: Dekan Fakulti Pengurusan
: Dekan Fakulti Kejururawatan
: Dekan Fakulti Farmasi
: Pengarah Pusat Kecemerlangan